

12 MAC 2018

Pasukan khas di pusat pemulihan

Pasukan khas di pusat pemulihan

**PKP AADK
berfungsi kawal
setiap insiden
dan isu yang
timbul**

MUHAMMAD AFHAM
RAMLI

SHAH ALAM

Pasukan Khas Pusat Pemulihan (PKP) Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) ditubuh sebagai langkah segera menangani isu-isu keselamatan dan kesejahteraan pusat pemulihan khususnya penguasaan, pemilikan,

penggunaan dan pendedaran barang terlarang.

Ketua Penolong Pengarah Keselamatan Bahagian Penguatkuasaan dan Keselamatan AADK, Superintendan Mohd Zaini Abu Hassan berkata, pasukan ini terdiri daripada lima pegawai dan 55 anggota polis bantuan pusat pemulihan.

Menurutnya, pasukan ini berfungsi sebagai 'immediate respond team' yang boleh digerakkan segera pada bila-bila masa bagi mencegah dan mengawal setiap insiden yang berlaku di dalam pusat pemulihan sebelum diambil alih oleh polis.

"Pasukan ini dilatih dengan kemahiran langkah mempertahankan diri, kemahiran tibatton, 'light strike force' dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan



Pasukan Khas Pusat Pemulihan (PKP) AADK sedang melakukan rutin latihan harian.

Jabatan Penjara Malaysia.

"Pasukan khas itu juga berperanan menjadi mata dan telinga kepada cawangan keselamatan seperti mem-

buat pemerhatian serta mengenal pasti apa sahaja perlakuan penghuni pusat pemulihan yang melanggar peraturan," katanya, sama-

lam.

Dalam pada itu, beliau turut mendedahkan senario ancaman dari luar ke dalam pusat pemulihan seperti

info • Lima pegawai dan 55 anggota polis bantuan

pengedar dadah dan token tempatan.

Katanya, pihaknya berjaya mengesan tindakan seorang pengedar dadah yang dilihat membalik sesuatu bungkus ke dalam kawasan pusat pemulihan sebelum melihat beberapa penghuni yang meluru ke arah bungkus-an tersebut.

"Salah seorang penghuni mengambil bungkus itu dalam keadaan tergesa-gesa.

"Anggota polis bantuan yang bertugas kemudian menahan dan menangkap penghuni tersebut dan merampas bungkusannya," katanya.